# Awang Uban sesat masuk kampung dijinakkan PERHILITAN

Bernama
Oktober 18, 2020 16:51 MYT



*PERHILITAN melakukan operasi pemindahan gajah liar seberat 2.5 tan itu ke Taman Negara, Pahang. - Gambar/ Bernama*

**KUALA KRAI:** Seekor gajah jantan liar dinamakan 'Awang Uban' yang menjadi kerisauan penduduk Kampung Tok Uban, Lata Rek di sini, berjaya dijinakkan dan dipindahkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan hari ini.

Ketua Operasi Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan(PKGK) Kuala Gandah Mohamad Khairul Adha Mat Amin berkata gajah liar tersebut sebelum ini telah memasuki perkampungan itu dari hutan simpan Lata Rek berdekatan untuk mencari sumber makanan.

"Kami berjaya menangkap 'Awang Uban' ini semalam selepas menerima aduan daripada penduduk setempat yang terserempak dengan haiwan liar itu selepas memasuki kebun mereka untuk mencari makanan.

"Kami menggunakan kaedah tembakan pelali bagi menangkap gajah itu di kawasan kebun penduduk," katanya kepada pemberita semasa operasi pemindahan gajah liar itu di sini, hari ini.

Mohamad Khairul Adha berkata susulan tangkapan itu, pihaknya melakukan operasi pemindahan gajah liar seberat 2.5 tan itu ke Taman Negara, Pahang.

"Operasi pemindahan gajah itu melibatkan 25 anggota dari Perhilitan Kelantan dan dibantu oleh petugas Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah.

"Kami turut menggunakan dua ekor gajah denak betina iaitu `Rambai' dan `Abot' semasa proses pemindahan dengan mengambil masa lima jam sebelum memindah gajah liar berusia 30 tahun itu," katanya.

Beliau berkata kemusnahan habitat asal menyebabkan haiwan liar itu memasuki kawasan perkampungan untuk mencari makanan di kebun penduduk.

"Kami percaya masih terdapat sembilan hingga 10 lagi gajah liar dari kelompok sama yang berada di hutan simpan berdekatan berdasarkan maklumat yang diperoleh penduduk kampung," katanya.

Katanya Perhilitan sentiasa melakukan peninjauan dan mengambil tindakan segera terhadap aduan berhubung haiwan liar itu yang memasuki kawasan kampung.

"Penduduk tidak perlu mengambil tindakan sendiri sekiranya terserempak dengan gajah liar kerana tindakan sendiri berkemungkinan akan mendatangkan bahaya sebaliknya perlu membuat laporan kepada pihak kami," katanya.

-- BERNAMA